

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 27. 7. 2017 (KHAMIS)

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan sejauh manakah mekanisme
penyelarasan harga petrol dan diesel secara mingguan berjaya
mengatasi masalah manipulasi harga barang oleh peniaga kesan
daripada kenaikan harga minyak dunia.**

JAWAPAN:**Tuan Yang Di-Pertua,**

Mekanisme penetapan harga mingguan mempercepat penyelarasan harga runcit petrol dan diesel dengan harga kos produk yang sebenar. Dalam hal ini harga runcit yang dikenakan adalah lebih hampir kepada dengan kos produk berkenaan.

Harga barangan di pasaran adalah tertakluk kepada kuasa tawaran dan permintaan. Hasil perbandingan purata harga 40 barangan keperluan antara bulan April hingga Jun 2017 mendapati bahawa perubahan harga barangan adalah disebabkan oleh faktor-faktor selain daripada perubahan harga mingguan petrol dan diesel. Faktor yang telah dikenal pasti adalah jumlah bekalan di pasaran dan juga permintaan daripada orang ramai.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 bagi membendung sebarang perbuatan peniaga yang mengambil kesempatan mengeksploitasi apa-apa keadaan atau situasi, termasuk alasan kenaikan harga petrol dan diesel untuk mengambil keuntungan berlebihan.

Pemantauan dan pemeriksaan sepanjang masa dibuat ke atas harga barangan di premis-premis perniagaan dan notis seksyen 21 akta tersebut akan dikeluarkan kepada peniaga sekiranya terdapat sebarang peningkatan harga yang melampau.

Sebagai sebuah caring ministry, Kementerian telah meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) demi menjaga kepentingan pengguna dengan menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa di lokasi-lokasi terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai. Langkah ini, bertujuan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan beretika melalui kehadiran pegawai-pegawai penguatkuasa.